



TEKS UCAPAN

**YANG BERTHORMAT
DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA MALAYSIA**

**SEMPENA
MAJLIS MAKAN MALAM
KEJOHANAN SUKAN JKR (SURYA) SE-MALAYSIA TAHUN 2022**

**TARIKH:
23 JULAI 2022**

**TEMPAT:
DEWAN MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI
JOHOR BAHRU**

SALUTASI

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah rahmat dan izinNya jua, kita dapat bersama-sama di Majlis Makan Malam sempena Kejohanan Sukan JKR Se-Malaysia Tahun 2022 pada malam ini.
2. Saya amat berbesar hati dengan kehadiran Yang Amat Berhormat Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor, walaupun kita sedia maklum dengan kesibukan beliau, tetapi Yang Amat Berhormat Datuk, tetap sudi meluangkan masa untuk bersama-sama kita bagi memeriahkan lagi majlis pada malam ini. Terima kasih Yang Amat Berhormat Datuk dan Kerajaan Negeri Johor atas sokongan dan kesudian memberi kebenaran kepada Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya (JKR) menggunakan kemudahan infrastruktur sukan yang lengkap dan selesa bagi menjayakan Kejohanan Sukan JKR (SURYA) Se-Malaysia ini.
3. Kejohanan SURYA Se-Malaysia tahun 2022 adalah merupakan edisi ke-lima (Ke-5), sejak mula diperkenalkan pada tahun 2013. Kejohanan ini dilaksanakan secara dwitahunan di bawah JKR Malaysia melalui Kelab Sukan Jabatan. Untuk makluman jua, tahun ini adalah merupakan tahun pertama penggunaan kata nama SURYA yang merupakan penjenamaan semula nama Sukan Jabatan Kerja Raya dan akan digunakan di edisi-edisi sukan yang akan datang.

4. Terima kasih juga kepada sekretariat sukan JKR Malaysia dan tuan rumah JKR Negeri Johor selaku Jawatankuasa Penganjur yang sentiasa memastikan perancangan dan perjalanan Kejohanan SURYA Se-Malaysia ini berada dalam penuh kesempurnaan. Begitu juga kepada semua Cawangan, JKR Negeri dan Agensi yang turut sama berganding bahu. Saya yakin dan percaya, kejohanan ini sudah pasti tidak akan dapat dilaksanakan dengan jayanya tanpa kerjasama daripada semua pihak. Syabas dan terima kasih.

Yang Amat Berhormat Datuk,

Yang Berbahagia Dato'- Dato', Tuan-tuan, para hadirin sekalian.

SUKAN SEBAGAI PENYATUAN KELUARGA JKR

5. Budaya bersukan merupakan cara terbaik untuk meningkatkan kualiti kesihatan dan gaya hidup yang sihat. Kesihatan juga boleh dilihat daripada beberapa dimensi iaitu fizikal, psikologikal, mental dan sosial. Kejohanan SURYA Se-Malaysia ini dapat membantu seluruh warga kerja JKR untuk terus konsisten mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif seterusnya dapat menyumbang kepada produktiviti negara.

6. Saya yakin dengan berlangsungnya kejohanan ini, pembudayaan sukan dapat diterapkan dalam jiwa setiap peserta yang mengambil bahagian. Aktiviti sukan bukan sahaja dapat melahirkan insan yang mempunyai tubuh badan yang sihat serta minda yang cerdas, malah akan mampu menjadi pemangkin ke arah mutu perkhidmatan yang lebih tinggi.

7. Konsep kebersamaan dalam 'Keluarga Malaysia', dapat dibentuk melalui persefahaman dan permuafakatan. Majlis pada malam ini juga

merupakan medium kesepaduan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Melalui hubungan erat yang terjalin ini, pastinya pelaksanaan yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik serta segala isu yang timbul dapat diselesaikan dengan penuh berhemah.

8. Oleh itu, Kementerian Kerja Raya dan agensi khususnya JKR sentiasa menerapkan Konsep Keluarga Malaysia melalui konsep kebersamaan dan perpaduan, memiliki fikiran yang terbuka dan bersepakat dalam menghadapi cabaran. Ia turut membentuk warga kerja menjadi lebih cemerlang, berdisiplin tinggi, mendidik semangat kerjasama yang utuh, memupuk daya juang tinggi serta bersedia menghadapi segala cabaran dan rintangan. Justeru, kejohanan sukan seumpama ini adalah salah satu cara untuk membentuk semangat kebersamaan dalam segenap perkara.

KERJASAMA MEMBINA INFRASTRUKTUR DI NEGERI JOHOR

9. Umum mengetahui bahawa Negeri Johor memberi sumbangan yang amat besar kepada pembangunan negara. Terima kasih kepada pimpinan negeri atas kerjasama dan sokongan berterusan kepada kementerian dan Jabatan. Kementerian dan jabatan sentiasa berusaha untuk memastikan infrastruktur di negeri Johor akan sentiasa terjaga dan disenggara dengan sebaiknya.

10. Untuk makluman Yang Amat Berhormat, terdapat beberapa projek jalan raya yang telah diluluskan peruntukan untuk dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Kerja Raya. Satu (1) projek sedang di dalam proses perolehan dan empat (4) telah berada di dalam fasa pembinaan iaitu :

- a) Menaiktaraf Lebuhraya Pasir Gudang (FT17) daripada Empat (4) Lorong kepada Enam (6) Lorong (Fasa 2B) dari Persimpangan

Bandar Seri Alam Taman Rinting ke Pasir Gudang Johor dengan kos RM 155 Juta

- b) Projek Pembinaan Directional Ramp Di Persimpangan Senai Desaru Expressway (SDE) - Bandar Penawar, Johor (Tender Semula) dengan kos RM 129.2 Juta
- c) Menaik Taraf Jalan Muar - Tangkak - Segamat: Jalan Pintas Dari Kolej Matrikulasi Ke Kawasan Perindustrian Tangkak, Johor dengan kos RM 269 Juta
- d) Membina Median, Pusingan U dan Kerja-kerja Berkaitan Di Jalan Batu Pahat - Ayer Hitam - Kluang FT050 daripada Parit Sempadan, Batu Pahat (Seksyen 21) hingga Jambatan Merentasi Lebuhraya PLUS (Seksyen 34.5) dengan kos RM 250 Juta ; dan
- e) Menaiktaraf Jambatan Kota Tinggi Bypass Di Laluan FT003, Kota Tinggi, Johor dengan kos RM 126.4 Juta

11. Selain itu, Kerajaan Persekutuan juga telah menyalurkan jumlah peruntukan sebanyak RM126.23 juta tahun ini bagi tujuan penyenggaraan jalan persekutuan di Negeri Johor.

12. Untuk makluman juga, Negeri Johor kini menjadi perintis kepada Perjanjian Konsesi Yang Berasaskan Model Kontrak Berasaskan Prestasi [*Performance Based Contract, PBC*] yang telah ditandatangani antara Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Selia Senggara Selatan Sdn Bhd. Kontrak yang bermula dari bulan Jun 2022 sehingga Februari 2026 ini melibatkan jumlah kos kontrak yang dianggarkan bernilai RM 601 juta.

13. Pelaksanaan kontrak ini merupakan satu pendekatan holistik dan *way forward* bagi kerja penyenggaraan jalan persekutuan di mana tahap prestasi perkhidmatan bagi kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh pihak syarikat dilantik, diukur melalui pencapaian terhadap KPI *service level* yang telah ditetapkan.

14. Melalui pelaksanaan kontrak PBC ini, Kementerian Kerja Raya yakin ianya dapat memberikan tahap perkhidmatan yang konsisten kepada pengguna jalan raya, di samping memberi pulangan nilai wang (*value for money*) kepada kerajaan dan negara. Secara tidak langsung, ianya adalah merupakan satu anjakan paradigma baharu kepada pelaksanaan penyenggaraan Jalan Persekutuan melalui model yang sama secara menyeluruh.

15. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan kepada seluruh warga kerja supaya janganlah lupa akan peranan dan tanggungjawab kita kepada rakyat. Baik kepada agensi-agensi di bawah Kementerian Kerja Raya mahupun kepada syarikat-syarikat konsesi yang telah diamanahkan untuk menyelenggara aset-aset kerajaan sama ada Jalan Persekutuan mahupun Bangunan Gunasama. Jadikan setiap pencapaian kejohanan sukan ini sebagai pendorong untuk memberikan prestasi perkhidmatan yang terbaik demi kesejahteraan rakyat.

PENUTUP

16. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor dan Kerajaan Negeri Johor atas kerjasama dan sokongan dalam menjayakan kejohanan SURYA Se-

Malaysia Tahun 2022. Terima kasih juga diberikan atas sambutan selamat datang kepada seluruh warga kerja ke negeri Johor dan menyediakan kelengkapan fasiliti untuk kejohanan ini.

17. Tahniah dan terima kasih juga diucapkan kepada kepada JKR Johor selaku jawatankuasa penganjur dan seluruh jawatankuasa yang telah memastikan perjalanan kejohanan berjalan lancar dan sempurna.

18. Syabas buat semua kontinjen yang mengambil bahagian, kita bersama dalam satu pasukan dengan semangat kebersamaan. Adat permainan ada yang menang dan kalah. Yang menang pasti akan menyimpan 1001 kenangan. Baik yang manis mahupun sebaliknya. Buat pasukan yang mara ke pentas akhir esok, saya ucapkan selamat berjuang.

19. Semoga penganjuran Kejohanan SURYA Se-Malaysia yang diadakan secara dwitahunan ini akan terus membentuk sebuah keluarga JKR yang unggul dengan semangat kesukanan dan jati diri yang tinggi.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.